

DAP Tampil 11 Muka Baharu Di Selangor: Guan Eng Bernama
18 April, 2013

KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama) -- DAP menampilkan 11 muka baharu untuk bertanding bagi kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13).

Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng berkata antara muka baharu ialah Pengarah Strategi pilihan raya parti itu Ong Kian Ming di Parlimen Serdang menggantikan penyandanginya, Teo Nie Ching yang berpindah ke Parlimen Kulai, Johor.

Selain itu, Teresa Kok Suh Sim yang sebelum ini bertanding di DUN Kinrara dan Parlimen Seputeh, hanya dikekal bertanding di Parlimen yang disandanginya, kata Lim semasa mengumumkan senarai calon parti itu untuk Selangor, Sarawak, Melaka dan Pahang di ibu pejabat DAP di sini hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan Selangor Ronnie Liu Tian Khiew tidak dicalonkan untuk mempertahankan kerusi DUN Pandamaran, dan tempat beliau diganti anggota Majlis Perbandaran Selayang Tan Pok Shyong.

Pengerusi DAP Sarawak Wong Ho Leng, yang menghidap barah otak, turut digugur daripada mempertahankan kerusi Parlimen Sibuluan dan diganti muka baharu Oscar Ling Chai Yew.

M.Manogaran, penyandang kerusi Parlimen Teluk Intan pula berpindah ke Parlimen Cameron Highlands untuk berdepan Presiden MIC Datuk Seri G.Palanivel.

Berikut adalah senarai calon DAP yang bertanding bagi kerusi Parlimen dan DUN Selangor.

PARLIMEN: P102 Serdang - Ong Kian Ming (muka baharu) P103 Puchong - Gobind Singh Deo P106 Petaling Jaya Utara - Pua Kiam Wee P110 Klang - Charles Anthony R.Santiago

DUN: N4 Sekinchan - Ng Suee Lim N6 Kuala Kubu Baharu - Lee Kee Hiong (muka baharu) N22 Teratai - Tiew Way Keng (muka baharu) N30 Kinrara - Ng Sze Han (muka baharu)(kaunselor Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) N35 Kampung Tunku - Lau Weng San N36 Damansara Utama - Yeo Bee Yin (muka baharu) N27 Balakong - Ng Tien Chee (muka baharu) N28 Seri Kembangan - Ean Yong Hian Wah. N31 Subang Jaya - Hannah Yeoh Tseow Suan N34 Bukit Gasing - Rajiv Rishyakaran (muka baharu) N44 Sungai Pinang - Teng Chang Khim N47 Pandamaran - Tan Pok Shyong (muka baharu) N48 Kota Alam Shah - Ganabatirau Veraman (muka baharu) N52 Teluk Datuk - Loh Chee Heng (muka baharu) N56 Sungai Pelek - Lai Nyuk Lan (muka baharu)

Senarai calon DAP di Kuala Lumpur, terdiri daripada: P114 Kepong - Dr Tan Seng Giaw P117 Segambut - Lim Lip Eng P120 Bukit Bintang - Fong Kui Lin P122 Seputeh - Teresa Kok P123 Cheras - Tan Kok Wai

Senarai calon DAP di Sarawak terdiri daripada:

PARLIMEN: P192 Mas Gading - Mordi Anak Bimol (muka baharu) P195 Bandar Kuching - Chong Chieng Jen P196 Stampin - Julian Tan Kok Ping (muka baharu) P199 Serian - Edward Anak Andrew Luwak@Edward Luwak (muka baharu) P202 Sri Aman - Leon Jimat Donald (pernah bertanding di DUN) P208 Sarikei - Wong Ling Biu (muka baharu) P211 Lanang - Alice Lau Kiong Yieng (pernah bertanding di DUN) P212 Sibuluan - Oscar Ling Chai Yew (muka

baharu) P213 Mukah - Hai bin Merawin@Bonaventure (muka baharu) P215 Kapit - Ramli Anak Malaka (muka baharu) P217 Bintulu - John Brian Anthony Anak Jeremy Guang (muka baharu) P219 Miri - Lim Su Kien P222 Lawas - Baru Langub (muka baharu)

Senarai calon DAP di Melaka terdiri daripada:

PARLIMEN: P135 Alor Gajah - Yeo Shen Li (sebelum ini bertanding di DUN) P138 Kota Melaka - Sim Tong Him

DUN: N14 Klebang - Liou Chen Kuang N15 Bachang - Lim Jak Wong N16 Ayer Keroh - Khoo Poay Tiong N19 Kesidang - Chin Choong Seong N20 Kota Laksamana - Lai Keun Ban (muka baharu) N21 Duyong - Goh Leong San N22 Banda Hilir - Tey Kok Kiew N24 Bemban - Gandhi Rajan Nalliah (muka baharu)

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943289>